PENGHASILAN MANUAL GARIS PANDUAN PEMBINAAN ITEM ANEKA PILIHAN

ABDULL SULAIMAN BIN ISMIL

Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC 2004

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Alhamdulillah…

syukur kehadrat illahi atas rahmat dan keizinanNya

dapat melengkapkan projek sarjana ini

buat isteriku yang tercinta dan tersayang

Azuyaria Mat Puzi

semoga segala sokongan dan harapan darimu kekal sehingga ke akhir hayat

tersayang buat mak abah & mek ayah

Rashidah Mirza Ghulam Nabi & Ismil Othman

Mat Puzi Ab Rahman & Yati Abdul Kadir

terima kasih di atas segala jasamu

kekanda yang dikasihi **Razak, Rozitah, Khalil (ipar), Yusop, Rosyamila (ipar)**

adinda yang disayangi **Ayub, Zulkefli, Yahya, Roslinda**

adik ipar yang diingati **Zaki, Faizal, Rozaidie**

motivasimu menerangi kehidupanku…

anak-anak buah yang diingati

Nana & Aiman

telatah & karenahmu menceriakan hidupku…

pensyarah-pensyarah yang dihargai

ilmumu jadi panduanku…

teman-teman seperjuanganku…

kuhargai jalinan persahabatan… ingatilah detik-detik kita bersama…

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, dapatlah saya menyempurnakan Projek Sarjana ini pada waktu yang telah ditetapkan.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Maizam Alias, selaku penyelia Projek Sarjana kerana beliau telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan dalam usaha saya untuk menyiapkan Projek Sarjana ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan buat Tn. Hj. Shamsudin Husin, selaku pembantu pembimbing kerana beliau telah membantu dan membimbing saya.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada, pensyarah Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn yang terlibat yang telah banyak membantu dan memberikan kerjasama di dalam menyempurnakan penyelidikan saya.

Harapan saya agar semoga Projek Sarjana yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Insyaallah.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menghasilkan manual garis panduan di dalam pembinaan item aneka pilihan. Sejajar dengan kepentingan item aneka pilihan sebagai salah satu instrumen di dalam menilai tahap pencapaian pelajar, sebuah manual yang bertajuk *Garis Panduan Pembinaan Item Aneka Pilihan* telah dihasilkan. Kandungan manual ini mengandungi langkah-langkah yang perlu diberi perhatian di dalam pembinaan item aneka pilihan. Melalui kajian ini, didapati bahawa ia dapat penerimaan positif daripada responden yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah. Ini menunjukkan bahawa isi kandungan, rekabentuk dan tahap kebolehgunaan manual yang dihasilkan ini adalah bersesuaian untuk digunakan sebagai panduan para pembina item. Penghasilan manual ini diharapkan dapat membantu para pembina item di dalam menghasilkan item aneka pilihan yang berkualiti dan baik serta mencapai objektif yang telah ditetapkan.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

ABSTRACT

This research was carried out to produce the guideline manual in constructing the multiple choice item. A manual which is entitled *Multiple Choice Item's Guideline* has been developed because of the importance of multiple choice item as a part of instrument in order to assess a level of student achievement. The manual content the steps that must be followed in order to constructing multiple choice items. From the research, feedbacks from respondents which are the lecturers show that they are positively agreed with the manual. This shown that the contents, the design and the usability of the manual are suitable to used as a guide to the multiple choice item's constructor. Hopefully with the producing of this manual, its can help the item's constructor in developing the good quality multiple choice items and in the same time it achieve the objectives that have been put on.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN PENULIS	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
I	**PENDAHULUAN**	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	4
	1.3 Kepentingan Kajian	7
	1.4 Tujuan Kajian	8
	1.5 Objektif Kajian	8
	1.6 Persoalan kajian	9
	1.7 Skop Kajian	9

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

	1.8	Kekangan Kajian	10
	1.9	Definisi istilahdan Pengoperasian	10
		1.9.1 Item	10
		1.9.2 Item Aneka Pilihan	11
	1.10	Ringkasan Bab	12
II	**SOROTAN KAJIAN**		
	2.1	Pengenalan	13
	2.2	Pengujian	14
	2.3	Pengukuran	15
	2.4	Penilaian	16
	2.5	Penilaian Awalan, Penilaian Formatif, Penilaian Diagnostik dan Penilaian Sumatif	18
		2.5.1 Penilaian Awalan	20
		2.5.2 Penilaian Formatif	21
		2.5.3 Penilaian Diagnostik	22
		2.5.4 Penilaian Sumatif	23
	2.6	Ujian Buatan Guru	24
		2.6.1 Ujian Objektif	25
		2.6.1.1 Panduan Menulis Item Aneka Pilihan	27
		2.6.1.2 Stem Soalan	29
		2.6.1.3 Opsyen, Kunci dan Distraktor	30
		2.6.1.4 Kelebihan dan Kelemahan Item Pelbagai Pilihan	31
	2.7	Ciri-Ciri Pengujian Yang Baik	32
		2.7.1 Kesahan	33
		2.7.2 Kebolehpercayaan	35
	2.8	Jadual Spesifikasi	37
		2.8.1 Domain Kognitif	38
	2.9	Ringkasan Bab	41

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

III	METODOLOGI KAJIAN		
	3.1	Pengenalan	42
	3.2	Reka Bentuk Kajian	43
	3.3	Tempat Kajian	43
	3.4	Populasi dan Sampel Kajian	44
	3.5	Instrumentasi Kajian	44
	3.6	Sumber Data	45
	3.7	Kaedah Analisis Data	46
	3.8	Kajian Rintis	46
	3.9	Andaian Kajian	47
	3.10	Ringkasan Bab	47
IV	REKABENTUK PRODUK		
	4.1	Pengenalan	48
	4.2	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	49
	4.3	Proses Penghasilan dan Penulisan Produk	49
	4.4	Pengisian Produk	52
	4.5	Penilaian Produk	52
	4.6	Ringkasan Bab	53
V	ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN		
	5.1	Pengenalan	54
	5.2	Dapatan Kajian	55
		5.2.1 Persoalan Kajian Pertama	56
		5.2.2 Persoalan Kajian Kedua	59
		5.2.3 Persoalan Kajian Ketiga	61
	5.3	Ringkasan Bab	65
VI	KESIMPULAN DAN CADANGAN		
	6.1	Pengenalan	66
	6.2	Perbincangan dan Kesimpulan	66

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

	6.2.1 Tahap Kesesuaian Isi Kandungan Manual Garis Panduan Pembinaan Item Aneka Pilihan	67
	6.2.2 Kesesuaian Rekabentuk Manual Garis Panduan Pembinaan Item Aneka Pilihan	68
	6.2.3 Tahap Kebolehgunaan Manual Garis Panduan Pembinaan Item Aneka Pilihan	69
6.3	Cadangan	70
	6.3.1 Cadangan Terhadap Produk	70
	6.3.2 Cadangan Kajian Akan Datang	71
6.4	Penutup	72
BIBLIOGRAFI		73
LAMPIRAN		77

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala Likert	45
5.1	Tahap Kecenderungan Berdasarkan Skor Min	55
5.2	Analisa Bilangan, Min, Peratusan dan Min Keseluruhan Reponden Bahagian A	56
5.3	Analisa Bilangan, Min, Peratusan dan Min Keseluruhan Reponden Bahagian B	59
5.4	Analisa Bilangan, Min, Peratusan dan Min Keseluruhan Reponden Bahagian C	61
5.5	Purata Min Persoalan Kajian	65

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Perhubungan antara penilaian, pengukuran dan pengujian	3
2.1	Model pembangunan proses pengajaran	18
2.2	Peranan ujian sumatif dalam pengajaran	23
2.3	Pembinaan Ujian	24
2.4	Jenis Kesahan	34
2.5	Kaedah menguji kebolehpercayaan	36
2.6	Hubungan Antara Tahap Kognitif Bloom	40
4.1	Cartalir Penghasilan Produk	49
4.2	Tugas dan Tanggungjawab Yang Perlu Di Dalam Penghasilan Manual	51
5.1	Analisis Min Bagi Aspek Isi Kandungan Manual	57
5.2	Analisis Min Bagi Aspek Rekabentuk Manual	60
5.3	Analisis Min Bagi Aspek Kebolehgunaan Manual	63

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

P & P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
SPSS	-	Statistical Package For Social Sciences

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	77
B	Kajian Rintis	82
C	Analisis Bilangan dan Peratusan	86
D	Analisis Skor Min	92
E	Manual Garis Panduan Pembinaan Item Aneka Pilihan	95
F	Pengesahan Pakar	132

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Istilah ujian tidak asing lagi di dalam proses pengukuran dan penilaian di dalam pendidikan. Ujian merupakan sebahagian daripada mekanisme penilaian yang dibuat ke atas pencapaian akademik pelajar. Ujian merupakan satu aspek penilaian yang penting di dalam proses pembelajaran di mana ianya dapat menggalakkan pelajar memperbaiki pencapaian mereka, membantu pensyarah membuat taksiran tentang pembelajaran pelajar-pelajar, dan akhirnya menggalakkan serta membolehkan pensyarah membuat taksiran tentang kesan pengajaran mereka (Muhamad Fairuzzairi Abdul Hamid, 2002). Ujian juga diertikan sebagai alat atau instrumen dan pengujian ialah proses menggunakan alat tersebut. Pengukuran pula ialah proses mendapatkan data atau status dan penilaian pula ialah proses menentukan nilai atau tahap status. Ujian ialah satu tugasan atau siri tugasan yang digunakan untuk mendapatkan maklumat atau pemerhatian yang sistematik yang dianggap mewakili trait atau atribut yang diuji (Bhasah Abu Bakar, 2003). Pada amnya ujian terbahagi kepada dua iaitu ujian subjektif dan ujian objektif. Ujian Objektif merangkumi beberapa jenis ujian iaitu

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

objektif pelbagai pilihan, memadankan jawapan, benar-salah dan mengisi tempat kosong. Manakala bagi ujian subjektif pula ia terdiri daripada soalan esei, soalan berstruktur dan soalan jawapan pendek.

Ujian pencapaian adalah pengujian prestasi atau pencapaian. Menurut Sulaiman Ngah (1997), ujian pencapaian merupakan ujian yang digunakan di sekolah untuk mengukur pencapaian pelajar terhadap objektif-objektif pengajaran yang telah dirancangkan. Kebiasaannya soalan-soalan adalah dibina oleh pakar-pakar di dalam bidang pendidikan dalam satu-satu matapelajaran dan soalan ini telah diuji tentang kebolehpercayaan dan kesahannya terlebih dahulu. Ujian pencapaian juga digunakan untuk membeza atau membandingkan pencapaian seseorang pelajar, sesebuah kelas, sesebuah sekolah, sesebuah daerah atau sesebuah negeri dengan norma pencapaian satu-satu kumpulan pelajar yang mengambil ujian tersebut

Kebiasaannya kandungan sesuatu ujian adalah berasaskan kepada apa yang telah diajar di dalam bilik darjah. Tidak semua pelajar yang mengambil ujian itu memperoleh pengalaman yang sama, memandangkan pengalaman pembelajaran yang diberikan dari satu kelas berbeza dengan kelas lain (Allen, *et al.*, 1998).

Menurut Zabidah Awang (1984), terdapat tiga elemen penting dalam pendidikan yang berkait rapat antara satu sama lain iaitu objektif pendidikan, pengalaman pembelajaran dan penilaian pendidikan. Begitu juga dengan proses penilaian, penilaian yang hendak dilaksanakan perlu kepada pengukuran dan pengujian. Hubungan di antara penilaian, pengukuran dan pengujian berkait rapat dengan penilaian mencakupi ruang lingkup yang lebih luas dari yang lain (Rajah 1.1)

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



Rajah 1.1: Perhubungan antara penilaian, pengukuran dan pengujian

(Sumber: Ee Ah Meng, Pedagogi III, hlm 6, 1999)

Penilaian dalam pendidikan merupakan satu proses mentaksir sama ada kuantiti atau takat sesuatu yang diukur itu boleh diterima atau tidak (Ee Ah Meng, 1999). Jika dihalusi, penilaian ialah sebahagian besar daripada aktiviti pengajaran yang kebanyakannya dilakukan oleh guru. Menurut Duncan, *et al.* (1994), penilaian secara formal dan informal adalah dua cara bagaimana guru menilai keberkesanan pengajaran mereka. Keberkesanan P&P boleh diperolehi melalui maklum balas pelbagai cara pengujian terhadap pelajar. Maklum balas tersebut membolehkan guru membuat taksiran tentang pengajaran, merancang pengajaran, menyediakan laporan dan bahan rujukan, pemilihan atau ramalan (Duncan *et al.*, 1994).

Penilaian sebenarnya boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu penilaian formatif (ujian penilaian berterusan) dan penilaian sumatif (ujian penilaian akhir). Pengujian adalah merujuk kepada satu teknik untuk mendapatkan maklumat tentang perubahan tingkah laku seseorang individu. Kuiz, ujian, tutorial, tugasan dan makmal atau bengkel atau projek merupakan bentuk-bentuk alat pengukuran atau pengujian yang biasa digunakan dalam penilaian berterusan di kebanyakan IPTA bagi mengukur

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

pencapaian pelajar atau terhadap perubahan tingkahlaku seseorang pelajar sepanjang semester (Farhana Sabidin, 2002). Bagi memastikan bahawa maklumat yang diperolehi adalah tepat, ujian pencapaian perlulah memenuhi ciri-ciri kualiti yang tertentu. Bentuk pengujian ini dijangkakan akan memberikan kesan yang bermakna terhadap proses penilaian pendidikan mahupun pencapaian akademik para pelajar.

Ujian buatan guru merupakan alat pengukuran yang utama dalam proses penilaian persekolahan. Ujian ini dibina untuk menilai hasil keberkesanan P&P dalam kelas. Ujian jenis ini biasanya disedia dalam bentuk esei ataupun objektif dan dilaksanakan pada setiap bulan, setiap penggal dan pada penghujung tahun. Menurut Airasian P.W (1996), ujian formal dan sistematik, selalunya menggunakan kertas dan pensil untuk mengetahui hasil pembelajaran pelajar. Pengujian untuk penilaian yang menggunakan garis panduan yang bersisitematik ini perlulah memenuhi objektif pelajaran untuk menjamin keberkesanan.

Ujian objektif kerapkali digunakan apabila seseorang guru ingin menilai tahap kefahaman dan penghayatan pengajaran mereka dalam bilik darjah. Jawapan ujian objektif mempunyai penskoran yang tetap, tekal dan tiada keraguan. Kemantapan ujian objektif bergantung kepada kecekapan dan ketepatan item yang dibina.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.2 Pernyataan Masalah

Ujian adalah satu kaedah yang sangat baik untuk melakukan atau melaksanakan penilaian ke atas keberkesanan pembelajaran dan pengajaran. Jika dikaji dan didalami aspek pengujian ini, didapati bahawa ia merupakan salah satu daripada kaedah

Permasalahan yang timbul dalam pembinaan item ujian di kalangan pensyarah muda perla diberi perhatian. Salah satu langkah yang dapat membantu pensyarah membina item ujian yang sistematik dan memenuhi objektif pembelajaran ialah merangka garis panduan dan peraturan pembinaan item ujian. Langkah ini penting bagi menjamin soalan-soalan ujian yang dibina berada pada tahap yang bersesuaian dan memenuhi objektif yang ditentukan. Persoalannya di sini sejauhmanakah item yang dibina bertepatan dengan objektif yang disasarkan?

Buat masa ini sumber rujukan dan panduan yang khusus di dalam menghasilkan item aneka pilihan yang menepati objektif pengajaran dan pembelajaran amat kurang. Oleh itu, kajian ini penting dilaksanakan untuk menghasilkan satu garis panduan pembinaan item ujian yang komprehensif dan boleh dijadikan van rujukan. Pada peringkat awalan pengkaji telah menganalisa beberapa bank item aneka pilihan daripada projek-projek yang telah dijalankan oleh pelajar-pelajar yang lepas. Pengkaji juga telah mengadakan sesi temubual beberapa orang responden bagi menjustifikasikan masalah yang dikaji. Satu manual berkaitan dengan pembinaan item aneka pilihan telah dibangunkan berasaskan sumber-sumber rujukan pakar dalam bidang berkaitan. Peringkat akhir pengkaji telah menjalankan penilaian ke atas manual yang dihasilkan melalui soal selidik terhadap kandungan dan kebolehgunaannya serta pemurnian ke atas manual dilakukan untuk proses terakhir.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.3 Kepentingan Kajian

Pendekatan sistematik bagi penghasilan item ujian dijangka dapat meningkatkan kualiti soalan supaya bertepatan dengan matlamat dan objektif P&P serta dapat membantu pensyarah membina soalan yang baik dalam masa yang singkat. Menurut Muhamad Fairuzzairi (2002), garis panduan yang berkaitan dengan pembentukan item dan penilaian yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi sebenarnya telah banyak diperkatakan dan digariskan di dalam buku-buku yang sedia ada, tetapi ianya tidak dibentuk di dalam satu manual yang khusus. Kajian ini penting lepada yang berikut:

1.3.1. Pensyarah

(i) Dapat membina soalan yang berkualiti

(ii) Dapat menjimatkan masa

(iii) Item atau soalan yang dibina benar-benar menguji apa yang inigin dinilai

(iv) Item yang dibina mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

1.3.2. Pelajar

(i) Dapat memahami item dengan lebih jelas.

(ii) Memberikan jawapan yang lebih baik dan berkualiti.

(iii) Dinilai tahap kognitif yang sewajarnya.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.4 Tujuan Kajian

(i) Membangunkan manual garis panduan yang boleh digunapakai para pendidik bagi membina dan menstruktur item aneka pilihan yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

(ii) Menilai persepsi pensyarah berdasarkan kandungan dan kebolehgunaan garis panduan yang dihasilkan.

1.5 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat tahap penerimaan pembina item (pendidik) terhadap penggunaan manual dalam menghasilkan item yang berkualiti. Secara khususnya kajian ini dijalankan berdasarkan kepada objektif-objektif berikut :

(i) Untuk mengukur tahap kesesuaian isi kandungan manual garis panduan.

(ii) Untuk mengukur tahap kesesuaian rekabentuk manual yang dihasilkan.

(iii) Untuk mengukur kebolehgunaan manual garis panduan yang dihasilkan.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.6 Persoalan Kajian

Kajian dijalankan adalah untuk menjawab persoalan-persoalan seperti yang berikut:

(i) Sejauhmanakah tahap kesesuaian isi kandungan manual garis panduan ini?
(ii) Sejauhmanakah kesesuaian rekabentuk manual garis panduan item aneka pilihan yang dihasilkan ini?
(iii) Apakah tahap kebolehgunaan manual garis panduan item aneka pilihan ini?

1.7 Skop Kajian

Pengkaji hanya menumpukan kajian terhadap perlaksanaan pembangunan manual garis panduan item aneka pilihan berpandukan rujukan pakar di dalam pembinaan item aneka pilihan yang berkualiti. Kajian tertumpu kepada pensyarah Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn yang memfokuskan kepada kesesuaian isi kandungan, kesesuaian rekabentuk dan kebolehgunaan manual garis panduan item aneka pilihan yang dihasilkan.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.8 Kekangan Kajian

Dalam kajian ini terdapat beberapa kekangan yang telah dikenalpasti, berikut adalah yang tersebut:

(i) Kesukaran menterjemahkan ayat-ayat di dalam rujukan yang dimasukkan ke dalam buku garis panduan.

(ii) Permasalahan dianggap sama untuk dalam negara walaupun rujukan permasalahan adalah lebih memfokuskan kepada luar negara.

1.9 Definisi Istilah

Pada bahagian ini, pengkaji menerangkan beberapa istilah yang penting di dalam kajian ini iaitu apakah yang dimaksudkan dengan item dan item aneka pilihan?

1.9.1 Item

Menurut Sulaiman (1997), item ujian merupakan satu alat untuk mengukur pencapaian pelajar. Ujian merujuk kepada satu teknik untuk mendapatkan maklumat tentang perubahan tingkah laku seseorang individu (Ee Ah Meng, 1999). Menurut Bierly, *et al.* (1984) dalam Sulaiman (1997), ujian adalah satu prosedur sistematik untuk mengukur satu sampel tingkah laku pelajar dan menilai tingkah laku itu berdasarkan

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

samada kepada suatu kriteria atau kepada norma. Menurut Ee Ah Meng (1999) dan Bhasah (2003), setiap ujian seharusnya mempunyai beberapa ciri yang penting untuk menjamin kualiti iaitu kesahan, kebolehpercayaan, keobjektifan, kebolehtadbiran, dan kebolehtafsiran

1.9.2 Item Aneka pilihan

Menurut Oosterhof (1996), item aneka pilihan mempunyai dua bahagian penting iaitu *stem* di mana ia merupakan pokok soalan atau dipanggil sebagai soalan sahaja dan *opsyen* atau *alternatif* ditafsirkan sebagai pilihan-pilihan yang diberikan. Salah satu daripada alternatif merupakan jawapan yang betul manakala yang lainnya ialah *distraktor* atau *pelantur* (Bhasah , 2003).

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.10 Ringkasan Bab

Item atau ujian merupakan instrumen yang sering digunakan bagi menilai dan menentukan tahap pencapaian pelajar. Item boleh digunakan sebagai penggerak, untuk meransang murid-murid belajar dengan lebih tekun; untuk mengesan punca kelemahan; untuk meramalkan kejayaan dalam aktiviti pembelajaran masa hadapan dan untuk pemilihan, penempatan atau pensijilan. Item juga membolehkan guru merancang pengajaran yang seterusnya dengan lebih baik. Item aneka pilihan pada asasnya adalah untuk menilai tahap penghayatan pelajar serta kefahamannya. Penghasilan item aneka pilihan pada hakikatnya memerlukan penilitian yang tajam untuk menjamin kualiti item tersebut. Namun begitu, persoalan yang timbul adakah ujian yang dijalankan betul-betul mengikut dan memenuhi objektif kursus? Adakah soalan yang dihasilkan berada pada aras kognitif yang sesuai mengikut peringkat pengajian? Masalah ini tidak begitu kritikal lepada pensyarah atau pendidik berpengalaman. Ini kerana pengalaman dapat membantu mereka membina item aneka pilihan. Sebaliknya bagi pensyarah atau pendidik baru, walaupun mereka dapat membina item ujian tetapi kesahan dan kebolehpercayaan item-item dibina boleh diragui. Oleh itu satu kajian perla dijalankan untuk menghasilkan garis panduan di dalam membina item aneka pilihan yang baik.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BIBLIOGRAFI

Airasian, P.W. (1996), "Assessment In The Classroom." New York: McGraw-Hill Inc.

Airasian, P.W. (1997), " Classroom Assessment 3rd Edition." New York: McGraw-Hill Inc.

American Institute of Certified Public Accountants (2003), "Multiple Choice Format." Available Online: http://www.aicpa.org/members/div/mcs.htm. Diasses pada Disember 17,2003.

Bhasah Abu Bakar (2003), " Asas Pengukuran Bilik Darjah." Tanjung Malim: Quantum Books.

Blake G. dan Bly R.W. (1993), "The Elements of Technical Writing." New York: Macmillan Publishing Company.

Bott, P.A. (1996), "Testing And Assessment in Occupational and Technical Education." London: Allyn & Bacon.

Ee Ah Meng (1999), "Pedagogi III: Pengujian dan Penilaian, Pemulihan, Pengayaan dan Pendidikan Inklusif (Semester IV)" Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Ee Ah Meng (2002), "Pedagogi III (Semester III)" Edisi Kedua. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Farhana Sabidin (2002) "Perlaksanaan Penilaian Berterusan Meningkatkan Pencapaian Akademik Pelajar: Satu Kajian Di Politeknik Johor Bahru." KUiTTHO: Tesis Sarjana Pendidikan.

Gronlund, N.E. (1981) " Measurement and Evaluation in Teaching 4th Edition." New York: Macmillan Publishing Company.

Gronlund, N.E. dan Linn, R.L. (1990), "Measurement and Evaluation in Teaching 6th Edition." New York: Macmillian Publishing Company.

Haladyna T.M. (1997), "Writing Test Items To Evaluate Higher Order Thinking." Massachusetts: Ally & Bacon, A Viacom Company.

Harris, D. dan Bell, C., (1994) "Evaluating And Assessing For Learning" New Jersey: Nichols Publishing Company.

Kamarudin Husin (1989), "Pedagogi 3." Kuala Lumpur: Longman Malaysia.

Lindvall, C.M. (1961), "Testing and Evaluation: An Introduction." New York: Harcourt, Brace & World Inc.

McMillan, J.H. (1997), "Classroom Assessment: Principles and Practice For Effective Instruction." London:Allyn & Bacon.

Miller, A.H., Imrie, B.W., dan Cox, K. (1998), "Student Assessment In Higher Education." London: Kogan Page Limited.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohamad Nor Mohd. Taib (2002), " Proses Pembinaan Soal Selidik Kajian dan Pentadbirannya." Siri Kolokium Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Mohd. Majid Konting (1990), "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Najib Ghafar (1997), " Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Muhamad Fairuzzairi Abdul Hamid (2002) "Penghasilan Garis Panduan Pembinaan Item Ujian Buatan Guru." KUiTTHO: Tesis Sarjana Pendidikan.

Oosterhof A (1994), "Classroom Applications of Educational of Educational Measurement 2nd Edition." New York: Macmillan Publishing Company.

Oosterhof A (1996), "Developing And Using Classroom Assessment." New Jersey: Prentice Hall Inc.

Payne, D.A. (1992), " Measuring and Evaluating Educational Outcomes." New York: Macmillan Publishing Company.

Rozana Abd. Rahman (2003), "Penghasilan Modul Pembelajaran kendiri (MPK) Berbantukan Komputer Bagi Matapelajaran Perakaunan Kewangan Di Politeknik." KUiTTHO: Tesis Sarjana Pendidikan.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Scoff, G.H. (1991), " Writing and Designing Manuals: Operator Manuals, Service Manuals, Manuals For International Markets 2nd Edition." Michigan: Lewis Publishers Inc.

Sulaiman Ngah Razali (1997) "Pedagogi: Teori dan Praktik" Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

University of Minnesota (1999), "Writing Multiple Choice Item." Office of Measurement Service. Available Online: http://www.ucs.umn.edu/oms/ multchoice.htmlx. Diasses pada Disember 17, 2003.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH